



## **PROF. MADYA DR. ABDUL HALIM HUSAIN**

### **LATAR BELAKANG**

Beliau mempunyai kelulusan Sijil Perguruan dalam Pendidikan Am di Maktab Perguruan Kinta, Ipoh, Perak pada tahun 1981, Diploma Seni Halus, Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 1992, Ijazah Sarjana Sastera (*Art and Design*) di *Demontfort University, Leicester, United Kingdom* (UK) pada tahun 1999, dan Doktor Falsafah (Ph.D) dalam Pendidikan Seni di Universiti Pendidikan Sultan Idris pada tahun 2008.

Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang *Art and Culture, Methodology in Art and Art Education Research*, dan *Art Education* dalam *Interest: Informal Learning and Lifelong Learning*.

### **PENCAPAIAN**

Beliau juga terlibat dalam penerbitan seperti *Regional Identity of Malaysian Sculptors based on Social Cultural System, Symbolic Interaction of Malaysian Sculptors and An Extra Aesthetics, Through Social Cultural System, Postmodernism Thinking in Art Education, Click! – Click!: Interpreting Information Technology Through Installation, Legasi Kemahiran Serta Nilai Pendidikan Dalam Kraf Berasaskan Kesenian dan Kebudayaan Setempat, dan Sosialisasi Kemahiran Ukiran Kayu dalam Keluarga Keturunan Pengukir Abdul Rahman Long*.

Kini, beliau merupakan Dekan bagi Pusat Pengajian Pasca Siswazah ASWARA. Beliau menumpukan minat dalam penyelidikan bidang Seni dan Kebudayaan. Antara penyelidikan beliau ialah Persoalan Identiti dalam Seni Moden Malaysia berasaskan Kebudayaan dan Pendidikan sepanjang hayat terutama Seni Kraf. Pengkaryaan beliau pula lebih tertumpu pada bidang Seni Halus dalam Seni Arca dan Seni Catan.